



Headline: Hendak pinjam RM15,000 wanita rugi Language: Malay
RM13,900 ditipu sindiket
Publication/Portal: Utusan Borneo (Sarawak) Section: Tempatan
Date: 29 March 2019 Page: 2

Hendak pinjam RM15,000 wanita rugi RM13,900 ditipu sindiket

KEPALA BATAS: Seorang kerani wanita yang hendak membuat pinjaman wang sebanyak RM15,000 daripada sebuah syarikat peminjam wang kerugian sebanyak RM13,900 apabila syarikat berkenaan rupa-rupanya sebuah sindiket penipuan.

Ketua Polis Daerah Seberang Perai Utara (SPU) ACP Noorzainy Mohd Noor semalam berkata wanita berusia 42 tahun itu mendakwa telah terjebak dengan tawaran iklan pinjaman wang yang diterimanya menerusi satu kiriman WhatsApp daripada sindiket itu Ahad lepas.

“Seorang lelaki yang mendakwa sebagai ejen sebuah syarikat yang dihubungi mangsa menggunakan nombor telefon dalam iklan itu meminta wanita berkenaan membuat beberapa pembayaran terlebih dahulu untuk memproses pinjamannya berjumlah RM15,000,” katanya di sini.

Dengan niat untuk menggunakan wang yang bakal dipinjamnya itu untuk membantu anak saudara lelakinya, wanita itu bersetuju dengan permintaan lelaki berkenaan dan telah membuat 10 transaksi perbankan yang keseluruhannya berjumlah RM13,900 ke dalam satu akaun bank.

“Wanita itu hanya menyedari dia ditipu apabila lelaki berkenaan secara berterusan memintanya memindahkan wang lagi ke dalam akaun tersebut dan dia seterusnya telah membuat laporan polis kelmarin,” katanya. — Bernama